

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM ISLAM BATU PAHAT (WISMA YATIM BATU PAHAT)

A) SEJARAH PERTUBUHAN

11.03.1976	:	Pembentukan Jawatankuasa Penaja
	:	Rang Undang-undang dan Perlembagaan dimajukan kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan
15.02.1977	:	Pendaftaran diluluskan oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan
14.04.1977	:	Warta kerajaan berhubung pengecualian cukai pendapatan ke atas semua derma kepada PKAYI Batu Pahat diperolehi.
22.11.1979	:	Perletakan batu asas bangunan asrama lelaki oleh Menteri Besar Johor
13.09.1980	:	Tender pembinaan asrama putera dikeluarkan
14.10.1980	:	Mesyuarat pemilihan tender pembinaan asrama putera
November 1981	:	Asrama putera siap dibina
1.1.1983	:	Pengambilan pertama anak-anak yatim lelaki seramai 30 orang.
6.3.1986	:	Perletakan batu asas asrama puteri.
Januari 1987	:	Pembinaan asrama puteri dimulakan.
November 1988	:	Asrama puteri siap dibina
Januari 1989	:	Pengambilan pertama anak-anak yatim perempuan tinggal di asrama seramai 18 orang.

B) LATAR BELAKANG PENERUSI

Nama	:	Dato' Hj. Awang bin Hj. Mohamad
Tarikh Lahir	:	30.8.1949
Kelulusan	:	Ijazah BA (Hons) Universiti Malaya Kuala Lumpur
Pengalaman Kerja	:	1) Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan & Perumahan Johor 2) Pengarah Tanah & Galian Johor 3) Pegawai Daerah Batu Pahat 4) Pegawai Daerah Muar

C) PENGENALAN ASRAMA

1. Ditadbir oleh 16 orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih melalui Mesyuarat Agung Dwi Tahunan setiap 2 tahun sekali.

2. Ahli Jawankuasa yang dipilih terdiri dari seorang Yang Dipertua, seorang Timbalan Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, seorang Setiausaha, 2 orang Penolong Setiausaha, seorang Bendahari dan 10 orang Jawatankuasa.
3. Sebanyak 10 biro diwujudkan bagi melancarkan perjalanan asrama dan pentadbiran. Setiap biro diketuai oleh Pengerusi Biro terdiri daripada Ahli Jawatankuasa yang dilantik.
4. PKAYI Batu Pahat mempunyai seramai 17 orang kakitangan yang dilantik bagi melaksanakan setiap tugas yang telah ditetapkan.
5. Wisma Yatim Batu Pahat boleh menempatkan seramai 120 orang penghuni (60 lelaki dan 60 perempuan). Segala perbelanjaan harian dan persekolahan mereka akan ditanggung sepenuhnya oleh PKAYI Batu Pahat
6. PKAYI Batu Pahat juga menyalurkan bantuan wang Hari Raya (setahun sekali) kepada anak-anak yatim di luar asrama yang berumur 15 tahun ke bawah melalui sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di dalam daerah Batu Pahat
7. Antara aktiviti lain yang dijalankan adalah gotong royong, majlis sambutan hari raya, sambutan Maulidur Rasul, sambutan Maal Hijrah, Khatam Al-Quran, solat Terawikh, minggu orientasi, Ibadat Korban, jamuan berbuka puasa, kelas mengaji Al-Quran, kelas tuisyen dan lain-lain mengikut kesesuaian.
8. PKAYI/BP turut menerima kunjungan dan lawatan bagi tujuan beramah mesra dan mengadakan aktiviti bersama anak-anak yatim

